

## **Bahasa Melayu dan Penyesuaian Budaya Siswa Antarabangsa di Universiti Swasta**

**Roslizawati Taib<sup>1\*</sup>, Venosha Ravana<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Faculty of Social Science and Humanities,  
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology, Jalan Genting Kelang, 53300 Setapak, MALAYSIA

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/dils.2023.03.02.002>

Received 10 July 2023; Accepted 10 August 2023; Available online 25 October 2023

**Abstract:** *Bahasa Melayu Komunikasi courses have been implemented at the level of Malaysian higher education institutions and are now offered and required for all international students studying in Malaysia. However, the difficulties of applying what they've learned in everyday conversation while on campus have hindered and hampered their efforts to improve their command of the language. By using the teaching and learning model that is practiced in Bahasa Melayu Komunikasi 1 and 2 courses at higher education institutions, it cannot be denied that bilingualism's delivery technique is necessary to facilitate the teaching and learning process. After completing the 14-week course, international students can read short passages, understand various vocabulary words, and write simple sentences in Malay. However, due to the learning environment and atmosphere in private universities that prioritise English as a communication and knowledge delivery medium, as well as the widespread use of the mother tongue among local students, especially in private universities, learning the Malay language is seen as still incapable of assisting international students in adapting to the Malaysian culture. According to several studies, international students need to be given plenty of space to communicate in Malay with their course mates to ensure that the language is not forgotten once the course is completed.*

**Keywords:** *Bahasa Melayu Komunikasi, International Students, Adapting, Culture, Private Universities*

**Abstrak:** Kursus bahasa Melayu Komunikasi telah diperkenalkan di peringkat institusi pengajian tinggi Malaysia dan ditawarkan serta wajib diambil oleh semua pelajar antarabangsa yang belajar di negara ini. Namun begitu, kesukaran untuk mengaplikasikan apa yang mereka pelajari dalam perbualan seharian semasa berada di kampus telah menghalang dan membantutkan usaha mereka untuk lebih menguasai bahasa tersebut. Dengan menggunakan model pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan dalam kursus bahasa Melayu Komunikasi 1 dan 2 di IPT, tidak dapat dinafikan bahawa kaedah penyampaiannya dalam dwibahasa adalah perlu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Setelah tamat kursus yang diambil

selama 14 minggu, pelajar antarabangsa mampu untuk membaca petikan pendek, memahami pelbagai kosa kata dan menulis ayat mudah dalam bahasa Melayu. Namun, persekitaran dan suasana pembelajaran di universiti swasta yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai penghubung dan penyampaian ilmu, serta penggunaan bahasa ibunda secara meluas dalam kalangan pelajar tempatan, terutamanya di IPTS, pembelajaran bahasa Melayu dilihat masih kurang mampu untuk membantu pelajar antarabangsa untuk melakukan penyesuaian budaya. Kajian menunjukkan bahawa pelajar antarabangsa perlu diberi ruang yang banyak untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan teman sekuliah untuk memastikan bahasa tersebut tidak dilupakan setelah kursus tersebut telah tamat.

**Kata kunci:** Bahasa Melayu Komunikasi, Pelajar Antarabangsa, Penyesuaian, Budaya, Universiti Swasta

## 1. Pengenalan

Globalisasi telah memberi kesan besar kepada bidang pendidikan di seluruh dunia. Dengan perubahan tersebut, dapat dilihat bahawa trend pelajar yang belajar di negara lain menunjukkan peningkatan. Kajian turut menunjukkan bahawa jumlah pelajar antarabangsa dalam sesebuah universiti dilihat mengalami peningkatan dari tahun ke tahun (KPT, 2021). Ini ditambah pula dengan wujudnya banyak universiti-universiti yang menjalankan kerjasama dan berkolaborasi dalam bidang pendidikan. Keinginan pelajar antarabangsa untuk merasai pengalaman baharu dalam persekitaran dan suasana berbeza terutamanya dari segi perubahan budaya, kadang kala boleh merencatkan nikmat yang seharusnya mereka rasai disebabkan oleh wujudnya halangan budaya dan bahasa (Jackson, 2015). Dengan adanya halangan dan cabaran dari aspek bahasa dan komunikasi, ia secara tidak langsung akan memberi impak kepada budaya dan cabaran pendidikan, hubungan sosial, penyesuaian diri, cabaran untuk mengadaptasi dengan situasi baharu dan nikmat pengalaman pembelajaran itu sendiri turut akan terbantut (Andrade, 2006).

Malaysia masih dianggap sebagai hub utama kehadiran pelajar-pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran mereka di negara ini. Meskipun jumlah kemasukan pelajar dilihat sedikit menurun selepas era pandemik, namun jumlah tersebut telah meningkat pada tahun 2022. Ini kerana, Malaysia telah mendapat tempat kedua dalam QS Top Universities Ranking Kuala Lumpur diiktiraf sebagai Most Affordable City for Students dalam QS Top Universities untuk tahun 2018 dan 2019 (Bernama, 2022). Menurut Kementerian Pengajian Tinggi, jumlah tersebut sangat memberangsangkan apabila sebanyak 40,000 permohonan telah diterima oleh pelajar antarabangsa untuk belajar di pelbagai universiti seluruh negara. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar antarabangsa yang mendaftar di beberapa institusi pendidikan negara ini termasuklah IPTS di seluruh negara antara tahun 2020, 2021 dan 2022.

**Jadual 1: Jumlah Pelajar Antarabangsa ke Malaysia Tahun 2020, 2021 dan 2022**

Tahun	2020 Jumlah (%)	2021 Jumlah (%)	2022 Jumlah (%)
<b>Jenis Institusi</b>			
Universiti Awam	33,705 (25.7)	39,172 (29.8)	44,542 (31.9)
IPTS	62,249 (47.4)	58,063 (44.2)	59,906 (42.9)
Politeknik	1 (0.00)	0 (0.00)	0 (0.00)

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, KPM

Kualiti pendidikan juga menjadi tarikan utama apabila empat (4) buah universiti berada dalam senarai 200 universiti terbaik dunia dan satu daripadanya telah tersenarai sebagai 100 universiti terbaik di dunia (BH Online 2023). Ini merupakan satu petanda yang baik dari segi angka kerana ia bukan sahaja membuktikan bahawa pendidikan di Malaysia berada pada nilai kualiti yang baik, malah penting dalam menjana pendapatan institusi dan negara. Namun begitu, isu bahasa sering menjadi perdebatan apabila kursus berstatus subjek universiti sahaja yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium pengajaran. Ini menjadikan bahasa Melayu semakin kurang digunakan dalam kalangan pelajar universiti (Dilah Tuah, 2018). Senario sebegini sudah tentu lebih sukar bagi pelajar antarabangsa yang mana mereka ini datang dari pelbagai negara, langsung tidak memiliki asas bahasa Melayu.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini akan memfokus kepada Bahasa Melayu Komunikasi sebagai satu wadah bahasa yang boleh digunakan oleh pelajar-pelajar asing dalam komunikasi seharian mereka. Ini kerana, bahasa adalah satu asas yang boleh mewujudkan hubungan sosial dengan individu lain dan ia sangat membantu pelajar dalam proses mengadaptasi budaya di negara baharu yang dominan (Andrade 2006; Smith and Khawaja, 2011). Dengan pemecahan halangan bahasa tersebut akan memungkinkan pelajar antarabangsa untuk mengadaptasi dan menyesuaikan diri dalam suasana dan persekitaran yang cukup asing bagi mereka.

Namun begitu, sekiranya sistem pendidikan Malaysia masih berorientasikan peperiksaan dan kurang memberi nilai tambah kepada komunikasi dan hubungan sosial antara pelajar dengan masyarakat tempatan disebabkan oleh halangan bahasa, pastinya Malaysia akan menjadi salah satu negara yang bukan menjadi lilihan utama pelajar asing dari negara luar. Kajian membuktikan bahawa kelemahan bahasa akan menjadi penghalang kepada kesejahteraan mahasiswa yang berada di negara asing. Terdapat tinjauan literatur terdahulu yang telah mengidentifikasi kemahiran berbahasa asing dan komunikasi boleh menjadi peramal terhadap keupayaan individu mengadaptasi dan kesejahteraan siswa yang berada di luar daripada negara asal mereka (Smith & Khawaja, 2011). Sekiranya kemahiran berbahasa asing dan komunikasi mereka berada pada tahap yang baik, maka darjah penyesuaian dan pengadaptasian pelajar asing akan lebih tinggi dan begitu juga sebaliknya. Kajian terbaharu (Jing et al., 2020) menyatakan bahawa kecekapan bahasa kedua dan adaptasi lintas budaya merupakan topik yang paling sering dipelajari dalam penelitian mahasiswa antarabangsa. Namun, hingga saat ini, belum ada kajian yang secara khusus mengkaji peranan bahasa dan komunikasi dalam proses penyesuaian dalam kalangan mahasiswa antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Ini kerana, kebanyakan institusi pengajian tinggi swasta menawarkan persekitaran yang tidak membuka ruang yang luas dan kondusif dari aspek pergaulan yang membolehkan pelajar-pelajar tersebut dapat terus berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Kebanyakan daripada universiti swasta di Malaysia yang menerima masuk pelajar asing, lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris sama ada dalam perbualan, komunikasi, memberi arahan serta dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Medium utama mereka lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris yang dilihat mudah difahami oleh semua lapisan dan kelompok masyarakat. Malah persepsi dan peranan yang dimainkan oleh masyarakat Malaysia sendiri, telah menjadikan Bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang mendominasi dalam pelbagai kegunaan. Ini dikuatkan lagi dengan adanya gelombang globalisasi yang menjadikan bahasa dan komunikasi sebagai agen utama kepada penyatuan di antara ekonomi dunia dengan budaya.

Ia dapat disebarkan melalui penggunaan teknologi maklumat dan media sehingga berlakunya perkembangan rangkaian sosial seluruh dunia. Oleh itu, penggunaan satu bahasa yang mampu menyatukan masyarakat dunia adalah bahasa Inggeris yang dianggap sebagai bahasa komunikasi antarabangsa disebabkan penguasaan bahasa tersebut juga adalah sangat meluas (Tsuda, 2005). Oleh kerana itu, kursus bahasa Melayu Komunikasi bagi pelajar antarabangsa hanya menjadi satu kursus bahasa yang wajib dipelajari sekadar untuk memenuhi syarat wajib untuk memenuhi kriteria bergraduat,

bukan untuk menguasainya. Malah jauh sekali untuk menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa untuk mereka berkomunikasi dengan pelajar tempatan disebabkan oleh faktor-faktor yang dinyatakan.

## 2. Asas yang Menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Utama

Bahasa Melayu telah diisytiharkan dalam perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Sebenarnya telah wujud gerakan yang berusaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu sejak zaman penjajahan semula British selepas pengunduran penjajah Jepun di Tanah Melayu. Perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu dan kebebasan penggunaan bahasa-bahasa lain yang ada di Tanah Melayu secara berterusan pada ketika itu, secara tidak langsung telah menaikkan semangat orang Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan negara dalam keadaan aman dan harmoni. Akhirnya, Suruhanjaya Reid telah menerima usul yang bertujuan mengangkat hanya satu bahasa sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan negara, iaitu bahasa Melayu (Ramlah Adam, 2014). Ini demi menjaga kedudukan istimewa orang Melayu yang meliputi institusi raja, agama dan bahasa yang langsung tidak boleh diabaikan dan diperlekehkan. Ini kerana kesemua unsur tradisi yang mendasari perlembagaan bergerak seiringan dan tidak ada mana-mana unsur tradisi tersebut yang seharusnya dipertikaikan (Abdul Aziz Bari, 2002).

Menurut laman web MyGovernment, Jabatan Penerangan Malaysia tahun 2017, ada menyatakan mengenai Perkara 152 yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa:

*“Bahasa Melayu atau dikenali juga sebagai Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi negara ini yang tidak boleh dipertikai fungsi serta peranannya sebagai bahasa kebangsaan. Malah, kedudukan Bahasa Melayu yang menggalas pelbagai fungsi diperkukuh lagi dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Penggunaannya dalam bidang pendidikan secara meluas di semua peringkat juga telah mengiktirafnya sebagai bahasa rasmi negara. Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996) telah digubal dalam mengiktiraf pula peranan Bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Di dalamnya ada menyebut tentang kebebasan menggunakan bahasa lain selain bahasa Melayu termasuklah bahasa Mandarin yang dituturkan oleh kaum Cina dan bahasa Tamil yang menjadi bahasa pertuturan kaum India di Malaysia. Bahasa Inggeris merupakan bahasa perdagangan dan perindustrian negara dan penguasaan rakyat terhadap bahasa-bahasa asing lain juga amat digalakkan”* (Malaysia 2017, Jabatan Penerangan Malaysia).

Bahasa Melayu juga bukan sahaja meletakkan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia, namun ia turut memainkan peranan penting dalam menjaga keharmonian dan keamanan masyarakatnya. Ini kerana bahasa Melayu telah menjadi bahasa komunikasi yang menyumbang kepada perpaduan negara. Pertama sekali, apabila bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi negara, kerajaan tidak sama sekali menafikan hak berbahasa dalam kalangan pelbagai kaum di negara ini. Ini terbukti sehingga ke hari ini, rakyat Malaysia bebas untuk menuturkan bahasa selain daripada bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Ia diterjemahkan dalam realiti kerana sekiranya seseorang warganegara yang berkomunikasi menggunakan bahasa selain daripada bahasa Melayu di Malaysia, mereka tidak akan ditahan, didakwa atau disekat daripada menggunakan bahasa ibunda masing-masing secara terbuka. Toleransi ini sahaja sudah cukup menggambarkan penerimaan positif rakyat pelbagai bangsa di negara ini untuk mengangkat hanya satu bahasa sebagai bahasa rasmi.

Tujuan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi lebih bertujuan untuk mewujudkan kebersamaan dalam berkomunikasi. Ini bagi memastikan hanya satu bahasa yang boleh difahami oleh semua digunakan dalam semua situasi agar dapat mengurangkan salah faham dan konflik yang berpunca daripada bahasa. Di peringkat antarabangsa pula, bekas Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama yang digunakan untuk urusan rasmi negara termasuk juga persidangan dan mesyuarat di peringkat antarabangsa yang bertujuan memantapkan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia

(Bernama 2022). Malah banyak urusan rasmi dalam negara juga terutamanya di jabatan atau pejabat kerajaan, kewajipan berbahasa Melayu telah lama diaplikasikan. Atas alasan di atas, maka tidak hairanlah jika pelajar asing diwajibkan untuk mempelajari asas bahasa Melayu setelah mereka belajar di Malaysia meskipun sebagai bahasa kedua.

### **3. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Komunikasi kepada Pelajar Antarabangsa**

Kursus bahasa Melayu Komunikasi dirangka dan dilaksanakan dengan objektifnya bagi memastikan bahawa penutur kedua akan dapat mengetahui beberapa asas tatabahasa, pengayaan kosa kata dan juga pertuturan atau komunikasi asas dalam perbualan formal dan tidak formal. Pengajaran kursus bahasa Melayu dibahagikan kepada dua (2) tahap. Tahap 1 yang dikenali sebagai bahasa Melayu Komunikasi 1 yang merupakan tahap asas dan permulaan untuk memperkenalkan bahasa kepada subjek utama iaitu individu bukan penutur pertama dan ia hanya ditawarkan kepada pelajar yang berada di peringkat Diploma. Manakala Bahasa Melayu Komunikasi 2 pula, ditawarkan khusus untuk pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Bachelor atau Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai bidang. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa merupakan satu peluang untuk mereka kerana ia bertujuan untuk memudahkan komunikasi antara pelajar dengan masyarakat tempatan berlaku secara formal mahupun tidak formal. Ini sekaligus memberi banyak ruang kepada mereka untuk mengetahui dengan lebih baik tentang budaya, peradaban dan cara hidup masyarakat Malaysia yang menjadi nilai tambah kepada pemahaman dan penghargaan mereka terhadap perbezaan budaya dan tradisi masyarakat tempatan.

Sukatan pelajaran yang diwujudkan sangat bersesuaian dengan objektifnya dalam memenuhi keperluan dari aspek pengetahuan asas dan kemahiran berkomunikasi bahasa Melayu mereka. Ia dirangkumkan dalam satu sukatan pelajaran yang banyak untuk memenuhi tiga (3) jam kredit yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam tempoh masa yang agak pendek, iaitu 14 minggu. Terdapat banyak faktor yang perlu dititik beratkan sebelum pengajaran dimulakan kerana pelajar-pelajar antarabangsa ini datang daripada pelbagai negara yang memiliki latar belakang keluarga, budaya, agama, status dan bahasa yang berbeza-beza. Ini telah menjadi satu cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh pensyarah yang mengajar kursus bahasa Melayu. Ia ditambah dengan penggunaan bahasa Inggeris secara meluas dalam pelbagai sektor termasuklah pendidikan sama ada di peringkat IPTA mahupun IPTS (Hashim Hj.Musa, 2004). Malah fungsi bahasa itu sendiri akan menjadi lebih jelas sekiranya kita tahu tentang peranan bahasa tersebut sebagai bahasa yang mampu menghubungkan individu dengan individu yang lain (Abdullah Hassan, 1986).

Tambahan pula, sukatan pelajaran yang disediakan dan diperakui ia telah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang bertanggungjawab menyelaras dan menyelia kualiti dan akreditasi sistem pendidikan tinggi di negara ini. Pada tahap ini, beberapa kosa kata mudah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar. Untuk tujuan tersebut, kosa kata yang diperkenalkan lebih cenderung kepada kosa kata yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian pelajar. Pada peringkat ini juga, ia memfokus kepada meningkatkan kemahiran pelajar untuk mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Malah mereka juga diajar supaya mampu untuk menghasilkan karangan asas dan mudah. Oleh itu, proses pengujian bagi kursus tahap ini dilakukan mengikut urutan berpandukan kepada penilaian di bawah:

**Jadual 2: Kaedah Pengujian bagi Kursus Bahasa Melayu Komunikasi (Antarabangsa)**

Kerja Kursus	Jenis Penilaian	Peratus (%)	Minggu
Penilaian 1	Membaca	30	6
Penilaian 2	Perbendaharaan kata	40	11
Penilaian 3	Menulis esei ringkas	30	14

Berpandukan kepada pembahagian cara ujian dilakukan di dalam kelas, cabaran yang paling besar dihadapi oleh pelajar adalah untuk menyebut perkataan dengan betul. Kesukaran yang paling kerap berlaku adalah pada huruf *e pepet* dan *e taling* yang mana kedua-duanya disebut dengan menggunakan sebutan yang sama. Malah kesukaran untuk membezakan sebutan kedua-dua huruf vokal tersebut menjadi lebih besar apabila membaca dalam bentuk teks yang biasanya tidak memberikan apa-apa tanda kepada kedua-duanya. Oleh kerana sebutan perkataan vokal dan konsonan yang sangat berbeza terutamanya dalam kalangan pelajar dari negara Jepun, Korea, China dan Zimbabwe, kebiasaannya kelompok pelajar yang datang dari negara terbabit menghadapi kesukaran berbanding dengan pelajar dari negara lain.

Walaupun begitu, mereka masih mampu untuk mengikutinya dengan baik jika diberikan masa yang lebih panjang untuk mereka berlatih. Meskipun latihan membaca diajar dalam minggu-minggu awal sebelum ujian, namun dalam masa yang sama mereka juga perlu belajar mengenai kosa kata bahasa Melayu. Tempoh masa yang disediakan menjadi kekangan untuk mereka lebih menghayati dan menguasai keindahan bahasa Melayu itu sendiri dan mengaplikasikannya dalam perbualan seharian. Ruang untuk menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan juga agak terhad kerana hampir 95 peratus pelajar tempatan di universiti yang sama menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa ibunda masing-masing, sama ada bertutur menggunakan bahasa Mandarin atau bahasa Tamil dalam perbualan seharian mereka. Disebabkan isu yang dinyatakan di atas, maka satu bentuk pengajaran bahasa Melayu di peringkat universiti perlu dilaksanakan dengan lebih komprehensif sepertimana cadangan jadual di bawah:

**Jadual 3: Cadangan Ujian bagi Kursus Bahasa Melayu Komunikasi (Antarabangsa)**

Kerja Kursus	Jenis Penilaian	Peratus (%)	Minggu
Penilaian 1	Perbendaharaan/ Kosa Kata	30	6
Penilaian 2	Perbualan I (formal)	40	11
Penilaian 3	Perbualan II (tidak formal)	30	14

Oleh sebab itu, penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi dan perbualan akan menjadi sangat terhad disebabkan oleh faktor yang dinyatakan di atas. Matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai penggunaan seharian mereka akan menjadi sangat terhad kerana ruang yang ada sangat melimitasikan bentuk sosial dan pergaulan mereka dengan pelajar lain. Namun tidak dapat dinafikan bahawa pelajar asing juga boleh cuba menuturkan bahasa Melayu apabila mereka berada di luar dari kawasan universiti terutamanya apabila mereka memasuki ruang masyarakat Malaysia. Contohnya jika mereka berada di kedai makan, di dalam kenderaan awam, bertanya arah semasa di pusat membeli belah. Sebenarnya mereka mempunyai peluang dan ruang yang sangat luas untuk berkomunikasi dengan bahasa Melayu apabila berada di luar. Sekurang-kurangnya apa yang mereka belajar daripada kursus bahasa Melayu akan dapat dipraktikkan dalam kehidupan sepanjang mereka berada di Malaysia. Inilah elemen yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar antarabangsa dan pensyarah-pensyarah

harus lebih kreatif dalam menyampaikan bahan pengajaran agar ianya akan lebih berkesan dan bermanfaat kepada mereka.

Penekanan yang diberikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu memberi penekanan kepada kemahiran membaca, kosa kata dan penulisan. Elemen yang perlu diberikan penekanan bagi memastikan penyesuaian budaya berlaku dalam kalangan pelajar antarabangsa di Malaysia adalah kemahiran bertutur. Ini adalah kerana komunikasi atau pertuturan merupakan satu kemahiran yang penting untuk dibangunkan dan dibudayakan sehingga mampu untuk membentuk komunikasi berkesan (Aydogan, 2014, Rao, 2018). Malah, kebanyakan pengkaji juga beranggapan bahawa kemahiran bertutur dianggap sangat penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh penutur asing. Penguasaan dalam aspek ini sebenarnya banyak diperolehi daripada perbualan dan persekitaran yang berupaya membuka ruang komunikasi dan menggalakkan penggunaan bahasa tersebut dalam perbualan biasa dan bersahaja. Namun begitu, dengan melihat konteks sistem pendidikan negara ini yang masih berorientasikan ujian dan peperiksaan, maka ia akan menjadi penghalang kepada penguasaan asas tersebut.

#### **4. Kesimpulan**

Artikel ini telah mengenal pasti kepentingan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia. Dengan adanya kajian yang menentengahkan isu yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa untuk menguasai bahasa kedua mereka iaitu bahasa Melayu, memberi ruang untuk penambahbaikan kepada teknik pengajaran para pensyarah di IPT agar ia benar-benar dapat membantu mereka untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Istilah penguasaan mungkin agak tersasar daripada matlamat sebenar, namun sekurang-kurangnya mereka dapat menggunakan apa yang mereka pelajari dalam komunikasi mereka seharian. Ini termasuklah sukatan pelajaran yang memberi pendedahan yang lebih banyak terhadap aspek pertuturan berbanding hanya memfokus kepada peperiksaan semata-mata.

Jika pihak universiti sendiri mengambil inisiatif untuk mendaulatkan bahasa Melayu itu sendiri di dalam institusi masing-masing, sama ada dengan menggerakkan kempen atau mengadakan ceramah dan pameran, mengadakan program bulan bahasa Melayu setiap semester, membentuk persatuan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, pasti usaha ke arah membudayakan bahasa Melayu itu akan terlaksana. Malah, pihak IPT sendiri boleh menyediakan satu garis panduan atau dijadikan sebagai dasar untuk digunakan oleh semua IPT yang lebih terarah kepada mendaulatkan bahasa Melayu. Hal ini tidak hanya tertakluk kepada kumpulan pelajar asing semata-mata, malah melibatkan semua pelajar tempatan. Meskipun berada dalam persekitaran yang mana bahasa Inggeris lebih mendominasi berbanding bahasa Melayu, namun sekiranya pihak pengurusan universiti memberikan penghargaan dan memartabatkan bahasa kebangsaan negara ini, usaha untuk membudayakan bahasa Melayu dalam kalangan semua pelajar akan tercapai. Terdapat kajian yang telah melihat kepada halangan atau cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan tenaga pengajar dalam mengajar kursus bahasa Melayu Komunikasi dalam kalangan pelajar antarabangsa di institusi masing-masing. Oleh itu, kajian akan datang boleh melihat kepada persepsi pelajar antarabangsa terhadap pembelajaran kursus bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di IPTS.

#### **Acknowledgement**

The authors would also like to thank the Centre for Language Studies and Centre for General Studies and Co-curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia for their support.

#### **Rujukan**

Abdul Aziz Bari. (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan masalah*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Andrade, M. S. (2006). International students in English-speaking universities. *Journal of Research in International Education*, 5(2), 131-154.
- Anon. (2022). Berita Harian Online. Malaysia masih jadi destinasi pilihan pelajar antarabangsa. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/970655/malaysia-masih-jadi-destinasi-pilihan-pelajar-antarabangsa> (akses pada 25 Jun 2023)
- Aydogan, H. (2014). The four basic language skills, whole language and integrated skill approach in mainstream university classrooms in Turkey. *Mediterranean Journal of Social Science*, 5(9), 672-680.
- Bernama. (2022). Malaysia guna Bahasa Melayu untuk setiap urusan rasmi. 26 Februari 2022. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-guna-bahasa-melayu-untuk-setiap-urusan-rasmi-negara-pm-348849> (akses pada 3 Mei 2023).
- Dila Tuah. (2018). Mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sarawak: Pengalaman dan cabaran. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Hashim Hj Musa. (2004). Pemeraksanaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi globalisasi barat. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan, A. (1997). Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan esei-esei lain. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Jackson, J. (2015). Becoming interculturally competent: Theory to practice in International education. *International Journal of Intercultural Relations*, 48, 91-107.
- Jing, X., Ghosh, R., & Liu, Q. (2020). Mapping global research related to International students: A scientometric review. *Higher Education*, 80(3), 415-433.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). Statistik Pendidikan Tinggi 2021: Bahagian Standard Swasta, JPT & Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlah Adam (2014). Pendauletan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di Malaysia: Sejarah dan kedudukan masa kini. Universiti Malaysia Perlis: Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM).
- Smith, R. A. & Khawaja, N. G. (2011). A review of the acculturation experiences of international students. *International Journal of Intercultural Relations*, 35(6), 699-713.
- Tsuda, S., & Lafeya, B. E. (2005). Japan's experience of language contact: A case study of RADIO-I, a multilingual radio station in Nagoya. *Language and Intercultural Communication*, 53(4), 248-263.